



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 02 Tahun 2016

PERMOHONAN MEMBAWA KE HADAPAN BAKI CUTI REHAT & PENGUMPULAN GANTIAN CUTI REHAT (GCR) TAHUN 2015 KE TAHUN 2016

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai permohonan membawa ke hadapan baki cuti rehat tahun 2015 ke tahun 2016 dan permohonan pengumpulan gantian Cuti Rehat (GCR) secara dalam talian.

LATAR BELAKANG

2. Cuti Rehat yang tidak dapat dihabiskan demi kepentingan perkhidmatan dibenarkan dikumpul untuk pengumpulan GCR atau dibawa ke tahun berikutnya berdasarkan Perintah Am Bab C Perkara 11, Pekeliling Pendaftar Bil.1/2004, Pekeliling Pendaftar Bil. 24/2004 dan Pekeliling Pendaftar Bil. 3/2009.

PELAKSANAAN

3. Sehubungan itu, staf berjawatan tetap boleh membuat permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat tahun 2015 ke tahun 2016 dan pengumpulan GCR melalui aplikasi dalam talian mulai 15 Februari 2016.

4. Sukacita dimaklumkan, permohonan dalam talian ini akan ditutup pada 14 Mac 2016 bagi membolehkan Bahagian Pengurusan Perkhidmatan, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar memproses permohonan.

5. Sehubungan dengan itu, Moderator Cuti dan Pusat Tanggungjawab perlu memastikan bahawa semua permohonan cuti tahun 2015 secara atas talian telah dikemaskini. Sila pastikan permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat dan pengumpulan GCR yang dibuat secara atas talian ini diambil tindakan oleh pegawai bertanggungjawab (Pegawai Membenar/Meluluskan) dalam tempoh yang dibenarkan mulai 15 Mac 2016 hingga 31 Mac 2016.

6. Permohonan membawa ke hadapan baki cuti rehat dan pengumpulan GCR yang dibuat secara manual selepas tarikh tutup permohonan ini tidak akan diproses kecuali bagi staf yang dalam tempoh bercuti yang diluluskan dalam jangka masa panjang atau melebihi satu (1) bulan dalam tempoh permohonan dibuka.

7. Bagi staf yang dalam tempoh Cuti Sakit Tibi, Kusta dan Barah, Cuti Belajar dan Cuti Tanpa Gaji mengikut pasangan melebihi tempoh satu (1) tahun tidak layak memohon.

PEMAKAIAN


8. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf berjawatan tetap Universiti Teknologi MARA.

TARIKH DIKELUARKAN

9. Pekeliling dikeluarkan pada 15 Februari 2016.

TARIKH KUATKUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 15 Februari 2016.



AZIDA AZMI
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(BGSU/PT.6/3)
No. Siri : 100-BPD(BGSU/02/2016)